

Dr. M, Lee beres 5 isu

SINGAPURA, Jumaat — Malaysia dan Singapura bersetuju mengatasi lima isu dua-hala yang ada sekarang berikutan rundingan antara Perdana Menteri kedua buah negara.

Kedua pemimpin itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Lee Kuan Yew, dan pegawai-pegawai kedua negara mengatasi masalah itu selepas berunding dua kali semalam.

Isu-isu yang diselesaikan ialah pemulangan Kem Tentera Khatib di Singapura yang kini digunakan sebagai stor oleh Malaysia, permintaan Singapura bagi bangsal Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar untuk kegunaan lebuh raya, permintaan Malaysia bagi tanah tambahan untuk Tentera Laut Diraja Malaysia di Pangkalan Woodlands dan perkara-perkara berhubung dengan sempadan Selat Tebrau.

Isu-isu lain yang diselesaikan, walaupun pada dasarnya sahaja, ialah permintaan Malaysia bagi mengawal sebahagian besar ruang udara Johor.

Bercakap dalam sidang akhbar bersama dengan Datuk Seri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Encik Lee memberi jaminan Singapura akan membayar pampasan secukupnya bagi

pengambilalihan tanah Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar.

Belliau berkata, usaha-usaha juga akan dibuat untuk memastikan pengambilalihan itu tidak mengganggu operasi Keretapi Tanah Melayu.

Mengenai pemulangan ruang udara Johor, Encik Lee berkata, isu itu melibatkan perkara-perkara teknik dan oleh itu pegawai-pegawai kedua negara akan terus berunding.

"Tetapi persetujuan dicapai oleh kami akan menjadi asas perbincangan-perbincangan itu," kata Encik Lee.

Selat

Malaysia difahamkan meminta sebahagian besar kawasan maklumat penerbangan Johor yang sekarang dikawal oleh Singapura. Kawalan Singapura terhadap kawasan itu meliputi sehingga 90 batu nautikal dari Pulau Ubin.

Mengenai sempadan Selat Tebrau, pemimpin Singapura itu berkata, sempadan itu akan ditentukan oleh satu kajian hidrografik yang sedang diselenggarakan.

Bagaimanapun, tidak disebut isu tambak kedua bagi menghubungi kedua buah negara atau sama ada ia dibincangkan oleh kedua pemimpin itu.